

21/02/1999

Dompok enggan sah pembubaran

KOTA KINABALU: Ketua Menteri, Tan Sri Bernard Dompok terus mengambil sikap berteka-teki berhubung tarikh pembubaran Dewan Undangan Negeri Sabah (DUN), apabila enggan mengesahkan kemungkinan ia diumumkan esok (Isnin).

Ketika ditemui pemberita selepas menghantar pulang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini semalam, Dompok sambil ketawa kecil berkata: "Kita hanya perlu tunggulah ... setakat ini walaupun saya sudah ada tarikh berkenaan, mengapa perlu saya beritahu awak sekarang."

Beliau bagaimanapun mengesahkan akan menghadap Yang Dipertua Negeri, Tun Sakaran Dandai, pagi esok dan kemudian mengadakan mesyuarat Kabinet negeri selepas pertemuan itu.

Tetapi apabila diminta mengulas sama ada ia adalah mesyuarat terakhir bagi kerajaan negeri sekarang, beliau sekali lagi ketawa dan berkata: "Bila? ... Isnin ini ... ia diadakan kerana Mesyuarat Majlis Raja-Raja akan berlangsung pada 23 Februari (Selasa).

"Jadi kami mengambil keputusan mengadakan mesyuarat itu Isnin ini, dan anda semua (pemberita) dialu-alukan untuk berjumpa saya selepas itu," katanya.

Menurut Dompok, beliau sendiri sudah beberapa kali mengadakan kunjungan ke Istana Negeri sebelum ini manakala pertemuan dengan Yang Dipertua Negeri sebelum mesyuarat Kabinet negeri adalah amalan biasa kepada mana-mana kerajaan negeri di Malaysia.

Mengenai kesan kunjungan Dr Mahathir ke Sabah, Dompok berkata kerajaan negeri kini semakin yakin dengan komitmen yang ditunjukkan Kerajaan Pusat dalam membangunkan rakyat dan negeri ini.

Menurut beliau, sepanjang tiga hari berada di negeri ini, Perdana Menteri memberi keyakinan dan sokongan padu terhadap kerajaan negeri sekarang khususnya menjelang pilihan raya negeri kali kesembilan ini.

"Malah, sokongan dan keyakinan itu diterima oleh rakyat Sabah sebagai jaminan Kerajaan Persekutuan tidak meminggirkan negeri ini dalam segala aspek pembangunan," katanya.

Selain itu, katanya, Dr Mahathir juga berjaya memberi penerangan yang lengkap dan jelas kepada pemimpin dan penduduk negeri ini terhadap pelbagai isu berkaitan politik, ekonomi dan sosial yang berlaku di seluruh negara sekarang.

Mengenai pengagihan kerusi dan pemilihan calon menjelang pilihan raya, Dompok berkata tidak ada sebarang perbezaan pendapat yang besar di kalangan komponen parti dan semua pihak terbabit mengambil sikap bersedia mendengar segala pandangan yang dikemukakan itu.

Sementara itu, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam, ketika ditanya mengenai perkara berkenaan turut berteka-teki apabila sambil tersenyum menjawab:

"Jadi, berapa lama lagi kita perlu tunggu? Jika awak kata kemungkinan Isnin ini, kita kena tunggu sehingga hari itulah."

Mengenai senarai calon Umno dan kemungkinan diumumkan selepas mesyuarat Kabinet negeri Isnin ini, beliau menjangkakan semua parti komponen sudah mempunyai senarai berkenaan dan terserah kepada Ketua Menteri mengumumkannya.

"Anda kena tunggulah sehingga mesyuarat Isnin ini tapi itu sebenarnya kena tanya Tan Sri Bernard (Dompok)," katanya.

(END)